

Headline	Ringankan sengsara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	4	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	338 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,680
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,041



Usaha Utusan-TH tubuh tabung bantuan dapat puji

# Ringankan sengsara

■ KUALA LUMPUR 4 DIS.

**U**SAHA Kumpulan Utusan melancarkan Tabung Rohingya Utusan-TH mendapat puji banyak pihak dan dilihat mampu memberikan nilai tambah kepada bantuan-bantuan yang akan disalurkan kepada etnik yang kini ditindas itu.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, seluruh rakyat Malaysia harus bersatu dan membantu bagi memastikan misi bantuan tersebut berjaya dan dapat meringankan kesengsaraan yang dialami penduduk berkenaan.

"Insya-Allah, saya yakin dan percaya untuk misi yang seterusnya, kita mampu membawa lebih banyak lagi barang keperluan dan makanan. Dalam misi sebelum ini, kami sudah mela-



**Insya-Allah, saya yakin dan percaya untuk misi yang seterusnya, kita mampu membawa lebih banyak lagi barang keperluan dan makanan."**

**ABDUL AZEEZ ABDUL RAHIM  
Pengerusi Tabung Haji**

lui beberapa cabaran dan melihat sendiri apa yang diperlukan dan cara mereka diselesa.

"Dengan adanya tabung ini, saya yakin misi seterusnya juga akan berjaya termasuk sampai kepada mangsa yang berada dalam kawasan sukar dan tidak dapat dimasuki oleh pasukan sukarela-

wan," katanya semasa berucap dalam Himpunan Solidariti Ummah Untuk Rohingya di Stadium Titiwangsa di sini, hari ini.

Tabung Rohingya Utusan-TH diwujudkan hasil kerjasama Kumpulan Utusan dan Tabung Haji bagi membantu etnik Rohingya yang tindas oleh kerajaan Myanmar untuk jangka masa empat bulan bermula 1 Disember lalu.

Sementara itu, Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim), Dr. Yusri Mohanad memberitahu, pihaknya turut menyokong usaha penubuhan tabung berkenaan.

"Kita berhimpun bukan setakat berucap dan berkumpul, tetapi melalui komitmen yang diturjukkan oleh semua pihak yang terlibat.

"Diharapkan lebih banyak bantuan dapat disampaikan pada masa hadapan," katanya.

Headline	Ringankan sengsara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	05 Dec 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	4	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	338 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,680
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,041



ABDUL AZEEZ ABDUL RAHIM (tengah) bersama sebahagian daripada warga Rohingya dan rakyat tempatan ketika menyertai Himpunan Solidariti Ummah Untuk Rohingya di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/NASIRRUDDIN YAZID